

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj SB 1/2020	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Denggi – Eco Kajang 1, Zon 3 & 11	Kementerian Kewangan Malaysia,	220901	50.00	3 Februari 2020 Hingga 6 Februari 2020
MPKj SB 2/2020	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Denggi – Eco Kajang 2, Zon 9 & 10	Lesen Untuk Menjual Dan Menyimpan Racun Makhluk Perosak dari Jabatan Pertanian Malaysia			
MPKj SB 3/2020	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Denggi – Eco Kajang 3, Zon 13, 14 & 15	& Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak dari Lembaga Racun Makhluk Perosak			

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak pada waktu pejabat di Kaunter Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Bekalan dan Perolehan di talian **03-87368017 sambungan 7022, 7011, 7200, 7023 dan 7014.**

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Pembelian Dokumen Tawaran secara on-line diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **3HB. FEBRUARI 2020 HINGGA 6HB. FEBRUARI 2020**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dihantar secara serahan tangan / pos di kaunter** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, b.p Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 6HB. FEBRUARI 2020 (KHAMIS) JAM 5.00 PETANG.**